



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545  
Faks : 603-8889 5542  
E-mail : hasar@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA**  
Bagi Minggu 25/2012 (17 hingga 23 Jun 2012)

Pada minggu ke-25 bagi tahun 2012, iaitu dari 17 hingga 23 Jun, sejumlah 367 kes demam Denggi dan tiada kematian telah dilaporkan, peningkatan sebanyak 10 kes berbanding 357 kes dengan satu (1) kematian pada minggu sebelumnya (Lampiran A). Sebanyak lapan (8) negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Pulau Pinang meningkat sebanyak 12 kes (120%), WP Kuala Lumpur & Putrajaya 12 kes (86%), Terengganu 5 kes (56%), Selangor 5 kes (3%), Melaka 4 kes (100%), Perlis 3 kes (43%), Sabah 3 kes (43%) dan WP Labuan 1 kes (100%).

Pada tahun 2012, bermula dari 1 Januari hingga 23 Jun, sebanyak 11,430 kes dilaporkan, meningkat sebanyak 1,551 kes atau 16% berbanding 9,879 kes bagi tempoh yang sama tahun 2011. Pada tempoh yang sama juga, sebanyak 22 kematian akibat demam Denggi dilaporkan, meningkat 7 berbanding 15 kematian pada tahun 2011.

Sejumlah 62 lokaliti mengalami wabak di seluruh negara melibatkan 13 daerah dan tiada lokaliti *hot spots* dilaporkan pada minggu ini. Walaupun tiada lokaliti *hot spots* dilaporkan, masyarakat perlu terus

menjalankan aktiviti mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan Aedes supaya kitaran hidup nyamuk yang bermula dari jentik-jentik hingga dewasa yang mengambil masa selama tujuh hari dapat diputuskan. Langkah-langkah pencegahan Denggi bukan hanya tanggungjawab Kementerian Kesihatan sahaja, malah ia merupakan tanggungjawab bersama semua pihak.

Selaras dengan saranan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) dengan mengumumkan bahawa bulan Jun bagi setiap tahun, bermula pada 15 Jun 2011 merupakan bulan kempen pencegahan dan kawalan Denggi. Oleh itu buat kali keduanya Sambutan Hari Denggi ASEAN peringkat kebangsaan telah diadakan pada 23 Jun 2012 bertempat di Dataran Majlis Bandaraya Ipoh, Perak, dan telah dihadiri oleh 1,000 orang masyarakat. Aktiviti Sambutan Hari Denggi ASEAN dipanjangkan sehingga 24 Jun 2012 dengan diisi pelbagai aktiviti melibatkan masyarakat termasuk pameran penyakit tidak berjangkit, pemakanan, pergigian, amalan cara hidup sihat, HIV/AIDS, kanser dan keselamatan makanan.

Tema Hari Denggi ASEAN pada tahun 2012 adalah ***ASEAN Unity for Dengue – Free Community*** atau **Perpaduan ASEAN Kearah Komuniti Bebas Denggi**, penglibatan masyarakat dalam pencegahan Denggi dengan memusnahkan tempat-tempat pembiakan Aedes adalah langkah terbaik. Tindakan mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes **setiap minggu** merupakan langkah paling efektif.

**DATO' SRI DR HASAN ABDUL RAHMAN**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

25 Jun 2012

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 25/2012  
(17 hingga 23 Jun 2012)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 25/2012	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 25/2011
		Minggu 25 (17 – 23 Jun 2012)	Minggu 24 (10 – 16 Jun 2012)		
1	Perlis	10	7	99	37
2	Kedah	15	21	410 (1)	238
3	P. Pinang	22	10	424 (1)	952 (1)
4	Perak	28	36	780 (2)	610 (2)
5	Selangor	173	168 (1)	5,249 (11)	3,739 (3)
6	WPKL & Putrajaya	26	14	1,100 (3)	884 (1)
7	N. Sembilan	7	9	211 (1)	378
8	Melaka	8	4	293	220
9	Johor	24	25	817 (1)	901 (4)
10	Pahang	5	15	346 (1)	478 (1)
11	Terengganu	14	9	393	357 (1)
12	Kelantan	12	18	583	326 (1)
13	Sarawak	12	14	484	519
14	Sabah	10	7	233 (1)	235 (1)
15	WP Labuan	1	0	8	5
	<b>MALAYSIA</b>	<b>367</b>	<b>357 (1)</b>	<b>11,430 (22)</b>	<b>9,879 (15)</b>

Nota: ( ) Kematian